

3756/1
Prinsip Perakaunan
Kertas 1
Ogos / Sept.
2008
1 ¼ jam



JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.
4. Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan.
5. Hitamkan **satu** ruangan sahaja bagi setiap soalan.
6. Penggunaan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan adalah dibenarkan.

Kertas soalan ini mengandungi 18 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

Jawab semua soalan

- 1 Antara berikut yang manakah tujuan penubuhan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB)?
- A Menentukan kod etika profesion perakaunan
 - B Mengeluarkan pernyataan prinsip bagi laporan kewangan
 - C Mengendalikan peperiksaan untuk profesion perakaunan
 - D Menyediakan laporan kewangan untuk sesebuah perniagaan

- 2 Sesebuah perniagaan diandaikan akan beroperasi untuk selama-lamanya.

Berdasarkan maklumat di atas, apakah konsep perakaunan yang terlibat ?

- A Berterusan
 - B Materialiti
 - C Ketekalan
 - D Pemadanan
- 3 Antara berikut, manakah organisasi yang menerbitkan saham kepada orang ramai?
- A Megamik Berhad
 - B Restoran Kenawar
 - C Damai Sendirian Berhad
 - D Peguam Nora dan Rakan-rakan

4

Chin menerima cek berjumlah RM880 daripada seorang penghutang bagi menjelaskan hutangnya RM900.

Antara berikut, yang manakah menerangkan kesan urus niaga di atas kepada persamaan perakaunan?

- A Bank bertambah RM880, Penghutang berkurang RM900, Untung Bersih berkurang RM20
- B Bank bertambah RM900, Penghutang berkurang RM880, Untung bersih bertambah RM20
- C Bank berkurang RM880, Penghutang bertambah RM900, Untung bersih berkurang RM20
- D Bank berkurang RM900, Penghutang bertambah RM880, Untung bersih bertambah RM20

5 Berikut adalah kesan **urus niaga X** terhadap persamaan perakaunan.

| | ASET | LIABILITI | MODAL |
|---------------------|----------------------|----------------------|------------------|
| Urus niaga X | Berkurang RM4 500 | Berkurang RM4 500 | Tidak Berubah |

Urus niaga X adalah

- A Bayar gaji pekerja dengan cek RM4 500.
- B Bayar hutang RM4 500 dengan cek.
- C Terima tunai RM4 500 daripada penghutang.
- D Jual perabot lama RM4 500 secara kredit.

6 Antara pasangan berikut yang manakah **benar**?

| | Urus niaga | Buku Catatan Pertama |
|---|---|-----------------------------|
| A | Ambilan tunai untuk kegunaan sendiri. | Jurnal Am |
| B | Mengedarkan barang niaga kepada pelanggan sebagai sampel. | Buku Tunai |
| C | Terima nota kredit daripada pemiutang. | Jurnal Pulangan Belian |
| D | Terima nota debit daripada pemiutang. | Jurnal Pulangan Jualan |

7 Dokumen 1 adalah milik Restoran Seri Pinang.

| | | | | | | |
|--|----|----|----|--|---|------------------|
| SALINAN | | | | | | |
| BANK ABC MALAYSIA BERHAD No 123 Jalan Mulia 80100 Johor Bahru | | | | | | |
| BORANG WANG MASUK | | | | TARIKH: 22 Jun 2008 | | |
| NAMA : Restoran Seri Pinang | | | | NO. AKAUN : 0013-333-5673 | | |
| RINGGIT : Satu ribu sahaja | | | | KEGUNAAN PEJABAT Diluluskan oleh : <i>Anwar</i> | | |
| 100 | 50 | 20 | 10 | 5 | 1 | Jumlah : RM 1000 |
| 5 | 10 | | | | | |

DOKUMEN 1

Apakah buku catatan pertama yang sesuai untuk merekodkan Dokumen 1?

- A Jurnal Jualan
- B Jurnal Belian
- C Jurnal Am
- D Buku Tunai

8 Dokumen 2 ialah keratan cek milik Pasar Mini Chong

| | | |
|------------|----------------------------|------------|
| Tarikh : | 18 Mei 2008 | |
| Penerima: | Pasar Mini Chong | |
| Kerana: | <i>Kegunaan Perniagaan</i> | |
| | <i>Ringgit</i> | <i>Sen</i> |
| Baki Akhir | 20 900 | 00 |
| Dimasukkan | - | - |
| Jumlah | 20 900 | 00 |
| Cek ini | 300 | 00 |
| Baki | 20 600 | 00 |
| BMB 456414 | | |

Dokumen 2

Apakah catatan yang betul dalam lejer?

| | Akaun didebitkan | Akaun dikreditkan |
|---|------------------|-------------------|
| A | Ambilan | Bank |
| B | Bank | Tunai |
| C | Pasar Mini Chong | Bank |
| D | Tunai | Bank |

- 9 Berikut adalah buku catatan pertama sebuah perniagaan.

JURNAL PULANGAN JUALAN

| Tarikh | Butir | Jumlah |
|----------|-----------------------|--------|
| 2008 | | RM |
| Julai 15 | Restoran Pelita Kayu | 165 |
| 31 | Akaun Pulangan Jualan | 165 |

Pilih pemindahan yang betul dari Jurnal Pulangan Jualan ke lebar.

| | | | | | | |
|----------|----------------------|--------------------|--------------------|---------------------|-------------------------|-------------------------|
| A | Restoran Pelita Kayu | | | A/K Pulangan Jualan | | |
| | Jul 15 | Pulangan Jualan | RM 165 | Jul 31 | Restoran Pelita Kayu | RM 165 |
| B | Restoran Pelita Kayu | | | A/K Pulangan Jualan | | |
| | | Jul 15 | Pulangan Jualan | RM 165 | Jul 31 | Restoran Pelita Kayu |
| C | Restoran Pelita Kayu | | | A/K Pulangan Jualan | | |
| | Jul 15 | Pulangan Jualan | RM 165 | Jul 31 | Pelbagai Penghutang | RM 165 |
| D | Restoran Pelita Kayu | | | A/K Pulangan Jualan | | |
| | | Jul 15 | Pulangan Jualan | RM 165 | Jul 31 | Pelbagai Penghutang |

10 Namakan dokumen yang direkodkan dalam Jurnal Am.

- I Memo
- II Invois
- III Penyata Akaun
- IV Makluman debit

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

11 Lejar Jualan digunakan untuk merekodkan

- A Akaun Penghutang
- B Akaun Pemiutang
- C Akaun Jualan
- D Akaun Belian

12 Urus niaga berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Diana Jaya

Perniagaan menerima cek RM3 000 daripada Sudin untuk menjelaskan sepenuh hutangnya berjumlah RM3 050.

Pilih catatan lejar yang **betul** untuk merekodkan urus niaga di atas.

| | | | | |
|----------|----------------|-------|----------------|-------|
| A | | Sudin | | |
| | Bank | 3 000 | Baki b/b | 3 050 |
| | Diskaun diberi | 50 | | |
| B | | Sudin | | |
| | Bank | 3 050 | Baki b/b | 3 050 |
| C | | Sudin | | |
| | Baki b/b | 3 050 | Bank | 3 000 |
| | | | Diskaun diberi | 50 |
| D | | Sudin | | |
| | Baki b/b | 3 050 | Bank | 3 050 |

- 13 Manakah yang dikelaskan sebagai akaun perorangan?
- A Akaun Gaji
 - B Akaun Insurans
 - C Akaun Ambilan
 - D Akaun Diskaun diterima
- 14 Butiran manakah **tidak** dicatat dalam Imbangan Duga?
- A Gaji
 - B Stok akhir
 - C Penghutang
 - D Pulangan keluar
- 15 Antara berikut, akaun manakah disenaraikan dalam ruangan kredit Imbangan Duga?
- I Akaun Pinjaman
 - II Akaun Angkutan keluar
 - III Akaun Faedah atas pinjaman
 - IV Akaun Peruntukan susut nilai
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 16 Manakah belanja kendalian bagi sebuah perniagaan runcit?
- A Hutang lapuk
 - B Belian komputer
 - C Faedah pinjaman
 - D Susut nilai kenderaan

17 Data 1 diperoleh daripada Perniagaan Balqis bagi tahun berakhir 30 Jun 2008.

| | RM |
|-----------------------------|-------|
| Untung kasar | 5 620 |
| Hutang lapuk terpulih | 280 |
| Insurans kedai | 1 845 |
| Alat tulis | 124 |
| Angkutan keluar | 313 |
| Belanja susut nilai perabot | 1 200 |
| Duti import | 300 |

Data 1

Berapakah untung bersih Perniagaan Balqis bagi tahun berakhir 30 Jun 2008?

- A RM1 558
- B RM2 118
- C RM2 418
- D RM2 718

18 Maklumat di bawah menunjukkan Akaun Perdagangan Kedai Kasut Watson

| Kedai Kasut Watson | | | | |
|--|---------------|---------------|--------|---------------|
| Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 | | | | |
| | RM | RM | | RM |
| Stok Awal | | 4 500 | Jualan | 50 000 |
| Belian | 56 400 | | | |
| P | 400 | | S | 4 950 |
| | <u>56 000</u> | | | |
| Duti Belian | <u>1 250</u> | | | |
| | | 57 250 | | |
| Q | | 61 750 | | |
| - Stok akhir | | 6 800 | | |
| R | | <u>54 950</u> | | |
| | | 54 950 | | <u>54 950</u> |

Apakah butiran R dan S di atas?

- A Kos jualan dan rugi kasar
- B Untung kasar dan kos jualan
- C Kos barang untuk dijual dan rugi kasar
- D Untung kasar dan kos barang untuk dijual

19 Antara berikut, manakah butiran yang terdapat dalam Lembaran Kerja 10 lajur?

- I Rugi kasar
- II Rugi bersih
- III Untung kasar
- IV Untung bersih

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

20 Maklumat di bawah menunjukkan Imbangan Duga Perniagaan Hanif.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2007

| Butir | Debit (RM) | Kredit (RM) |
|----------------------------------|---------------|----------------|
| Kenderaan | 20 000 | |
| Peruntukan susut nilai kenderaan | | 2 000 |

Perniagaan Hanif telah memperuntukkan susut nilai kenderaan dengan kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Hitung peruntukan susut nilai yang direkodkan dalam Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 2007.

- A RM1 800
- B RM2 000
- C RM3 800
- D RM4 000

21 Manakah butiran yang direkodkan dalam Akaun Kawalan Penghutang?

- A Jualan tunai
- B Angkutan masuk
- C Pulangan keluar
- D Pulangan masuk

- 22 Sekeping cek berjumlah RM248 yang dibayar kepada seorang pembekal telah tersilap rekod dalam Buku Tunai sebagai RM284. Apakah catatan pembetulan yang perlu dibuat dalam Buku Tunai?
- A Kredit RM72
 - B Kredit RM36
 - C Debit RM72
 - D Debit RM36
- 23 Antara berikut, manakah yang menyebabkan baki Buku Tunai melebihi baki Penyata Bank?
- I Dividen
 - II Cek tak laku
 - III Pindahan kredit
 - IV Perintah sedia ada
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 24 Jadual 1 di bawah menunjukkan anggaran belian Perniagaan Mazlan bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2008.

| Bulan | Anggaran Belian |
|----------|-----------------|
| Oktober | RM42 000 |
| November | RM50 000 |
| Disember | RM38 000 |

Jadual 1

Belian adalah 70% secara tunai dan 30% secara kredit. Belian kredit akan dibayar pada bulan berikutnya. Hitung anggaran tunai yang akan dibayar pada bulan November 2008.

- A RM27 600
- B RM47 600
- C RM50 000
- D RM64 400

- 25 Berikut adalah maklumat gaji Chiew yang diambil dari buku-buku Perkongsian Bakry bagi tahun berakhir 31 Mei 2008.

| Butir | RM |
|---------------------------------|-------|
| Gaji pekongsi Chiew setahun | 6 000 |
| Gaji telah dibayar kepada Chiew | 4 000 |

Berapakah jumlah gaji yang direkodkan dalam Akaun Semasa Chiew?

- A RM10 000
 - B RM6 000
 - C RM4 000
 - D RM2 000
- 26 Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Nakulan Berhad bagi tahun berakhir 31 Julai 2008

| |
|--|
| Modal dibenarkan : 1 000 000 saham biasa RM0.50 sesaham |
| Modal diterbitkan dan berbayar : 700 000 saham biasa RM0.50 sesaham |

Lembaga pengarah mengisytiharkan dividen saham biasa 3 sen sesaham. Berapakah jumlah dividen saham biasa?

- A RM30 000
- B RM21 000
- C RM15 000
- D RM10 500

27 Antara berikut, yang manakah ciri-ciri saham keutamaan?

- I Pemegang saham tidak mempunyai hak mengundi
- II Pemegang saham menerima kadar dividen yang tetap
- III Pemegang saham diberi keutamaan dalam agihan dividen
- IV Pemegang saham tidak berhak menerima dividen tertunggak

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

28 Berikut adalah maklumat yang diperolehi dari Kelab Sukan Taman Kasih, Kluang pada 1 Julai 2008.

| | RM |
|--------------------------|--------|
| Bangunan kelab | 30 000 |
| Alatan sukan | 8 000 |
| Kadar bayaran terakru | 100 |
| Pemiutang restoran kelab | 960 |
| Yuran ahli terdahulu | 50 |
| Bank | 1 500 |

Hitung dana terkumpul pada tarikh tersebut.

- A RM35 390
 - B RM35 490
 - C RM38 390
 - D RM38 490
- 29 Urus niaga yang manakah merupakan perbelanjaan hasil bagi sesebuah kelab?
- A Belanja membaiki bumbung bangunan kelab
 - B Pembelian perabot untuk bangunan kelab
 - C Belanja mengubah suai bangunan kelab
 - D Pembelian alatan sukan

30 Apakah ciri-ciri perniagaan yang mengamalkan rekod tak lengkap ?

- I Urus niaga direkodkan dalam buku tunai sahaja
- II Buku-buku akaun dan dokumen telah tercicir atau musnah
- III Peniaga tidak menyimpan urus niaga dengan cara yang betul
- IV Peniaga merekodkan urus niaga menggunakan perisian komputer

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

31 Maklumat berikut dipetik daripada buku seorang peniaga tunggal.

| | RM |
|-------------------------|--------|
| Modal pada 1 April 2007 | 50 000 |
| Modal pada 31 Mac 2008 | 65 000 |
| Modal tambahan | 7 500 |

Sepanjang tempoh perakaunan di atas, peniaga telah mengambil tunai RM2 000 dan barang-barang bernilai RM3 000 untuk kegunaan sendiri. Hitung untung bersih yang diperoleh peniaga itu.

- A RM10 000
- B RM12 500
- C RM15 000
- D RM17 500

32 Maklumat berikut dipetik daripada buku seorang pengusaha batik di Kelantan.

| | RM |
|---------------------------|-----------|
| Kos bahan mentah seunit | 12.00 |
| Kos buruh langsung seunit | 8.00 |
| Sewa premis | 19 000.00 |
| Gaji pejabat | 21 000.00 |
| Harga jualan seunit | 60.00 |

Hitung titik pulang modal (dalam unit).

- A 2 000 unit
 - B 1 000 unit
 - C 525 unit
 - D 475 unit
- 33 Antara berikut, manakah komponen kos overhead kilang?
- I Alatan
 - II Upah langsung
 - III Elektrik dan air
 - IV Susut nilai alat-alat kecil
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

34 Maklumat berikut diperoleh dari Kilang Plastik Jason pada 31 Mac 2008.

| | RM |
|---------------------|--------|
| Gaji tak langsung | 5 800 |
| Upah buruh langsung | 3 780 |
| Kadar bayaran | 1 350 |
| Sewa bangunan | 2 500 |
| Loji dan mesin | 50 000 |
| Tunai | 2 450 |

Maklumat tambahan:

- (i) Sewa bangunan dibahagi antara kilang dengan pejabat 3:1.
(ii) Kadar bayaran terakru RM280.

Hitungkan jumlah kos overhead.

- A RM13 430
B RM13 085
C RM9 650
D RM9 305

35 Berikut ialah maklumat Perniagaan Kota Ria pada 31 Mac 2008.

| | RM |
|------------------------|--------|
| Stok pada 1 April 2007 | 4 600 |
| Belian | 8 500 |
| Jualan | 10 850 |
| Duti atas belian | 800 |
| Stok pada 31 Mac 2008 | 5 450 |

Hitungkan kadar pusing ganti stok.

- A 2.02 kali
B 1.68 kali
C 0.65 kali
D 0.59 kali

- 36 Jadual di bawah adalah petikan daripada Lembaran Hambaran Elektronik sebuah perniagaan.

| | A | B | C | D |
|---|-----------------|--------|--------|-------|
| 1 | Jualan | 70 000 | | |
| 2 | Belian | | 56 000 | |
| 3 | Angkutan masuk | | | 1 200 |
| 4 | Stok akhir | | | 4 000 |
| 5 | Pulangan masuk | | 600 | |
| 6 | Pulangan keluar | 700 | | |

Formula manakah yang digunakan untuk menghitung jumlah kos barang untuk dijual?

- A = $C2 - C5 + D3$
 B = $C2 - B6 + D3$
 C = $C2 - C5 + D4$
 D = $C2 - B6 + D4$
- 37 Berikut adalah urus niaga perniagaan Sharin.

Belanja membaiki kenderaan telah direkod dalam akaun kenderaan.

Nyatakan jenis kesilapan di atas?

- A Kesilapan songsang
 B Kesilapan seimbang
 C Kesilapan prinsip
 D Kesilapan komisen

- 38 Berikut adalah maklumat Buku Tunai Runcit Kedai Perwira pada 31 Ogos 2008.

Dana tunai runcit bulanan ialah RM200. Jumlah pembayaran sepanjang bulan Ogos ialah RM175 dan baki disimpan oleh juruwang ialah RM25.

Berapakah jumlah yang akan diterima oleh juruwang pada 1 September 2008 bagi mengurus buku tunai runcitnya?

- A RM25
 B RM175
 C RM200
 D RM225
- 39 Antara berikut, urus niaga manakah **tidak** direkodkan dalam Akaun Realisasi ketika pembubaran perkongsian?
- A Penerimaan daripada penghutang
 B Menjelaskan belanja pembubaran
 C Pekongsi mengambil alih aset
 D Membayar kepada pemiutang
- 40 Maklumat berikut diperoleh daripada Buku Tunai Perniagaan Maisara pada 31 Julai 2008.

Buku Tunai

| Tarikh | Butir | Tunai | Bank | Tarikh | Butir | Tunai | Bank |
|--------|---------|-------|------|--------|-----------|-------|-------|
| 2008 | | | | 2008 | | | |
| Jul 1 | Modal | 800 | 500 | Jul 7 | Belian | 454 | |
| 15 | Jualan | | 700 | 21 | Kedai Lim | | 1 500 |
| 24 | Komisen | 500 | | 31 | Gaji | 700 | |

Berapakah baki tunai dan baki bank pada 31 Julai 2008?

| | Tunai | Bank |
|---|---------|---------|
| A | RM146 | (RM300) |
| B | (RM146) | RM300 |
| C | (RM146) | (RM300) |
| D | RM146 | RM300 |

KERTAS SOALAN TAMAT